

KURSUS-KURSUS JANGKA PENDEK

TEKNIK PENYAMPAIAN & PENGUCAPAN AWAM

PENGENALAN

PENGUCAPAN awam atau berucap di khalayak ramai adalah merupakan satu kemahiran yang boleh dipelajari. Ramai yang menganggap kebolehan ini sebagai semulajadi. Tanggapan begini tidak boleh kita terima. Ramai pemimpin agung dunia yang bijak menyampaikan ucapan dan berupaya mempengaruhi pengikutnya tidak berasal dari ahli keluarga yang pandai berucap atau semulajadinya mahir bercakap dan berucap.

Kursus ini adalah sebagai persediaan kerana dalam pelbagai keadaan kita sering diminta untuk menyampaikan ucapan, memberikan pandangan, membincangkan sesuatu perkara atau pun memberi ulasan kepada sesuatu perkara atau peristiwa.

Kursus ini memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para peserta tentang kemahiran dan teknik pengucapan awam, persediaan-persediaan sebelum, semasa dan selepas sesuatu aktiviti pengucapan awam serta strategi dan teknik-teknik yang sesuai digunakan semasa penyampaian.

O B J E K T I F

- Memahami elemen-elemen penting dalam menyampaikan pengucapan secara berkesan.
- Membolehkan seseorang menguasai pengucapan awam dengan yakin, tabah bagi mencapai matlamat dan tujuan.
- Membina kompetensi untuk memastikan mesej yang disampaikan adalah berkesan.
- Mengatasi perasaan gemuruh sebelum dan semasa persembahan dan pengucapan dilakukan.

M E T O D O L O G I

Kombinasi ceramah, berserta tayangan slide, role play, aktiviti kumpulan dan latihan praktikal pengucapan bertujuan untuk memantapkan pemahaman peserta kursus terhadap topik-topik yang dipelajari.



TOPIK KURSUS

Konsep dan Kepentingan Kemahiran Penyampaian dan Pengucapan Awam

- Pelbagai jenis ucapan dan penyampaian
- Faktor keberkesanan dalam ucapan/ penyampaian
- Kepentingan kemahiran penyampaian dan pengucapan awam
- Prinsip-prinsip komunikasi berkesan

Langkah-langkah Perancangan dan Persediaan

- Menganalisis audien, majlis dan suasana
- Menetapkan objektif ucapan/penyampaian
- Merangka dan menyusun isi
- Menyedia alat bantuan audio visual
- Persediaan logistik dan penampilan diri

Panduan Menyampaikan Ucapan/ Penyampaian

- Bagaimana menangani kegugupan
- Cara membuka dan memulakan ucapan/ penyampaian
- Teknik menarik perhatian dan minat audien & teknik pengawalan suara
- Penggunaan isyarat tangan & badan
- Cara mengguna mikrofon dan alat bantuan audio visual
- Memantau respon audien
- Mendapatkan maklumbalas dan mengendali sesi soal jawab
- Protokol dan kesopanan Cara merumus dan menutup ucapan/ penyampaian

Menangani Masalah Dalam Ucapan/ Penyampaian

- Menangani gangguan audien /persekitaran
- Hilang fokus dan idea
- Memantau masa
- Menghadapi audien yang bersikap negatif
- Membuat ucapan/penyampaian impromptu

your success is our driving force